



**Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi**

**Kesejahteraan Komunikasi sebagai Peramal Perpaduan Komuniti di Flat  
Sungai Plan, Bintulu**

**Syufiza binti Iskandar**

**Ijazah Sarjana  
2024**

Kesejahteraan Komunikasi sebagai Peramal Perpaduan Komuniti di Flat  
Sungai Plan, Bintulu

Syufiza binti Iskandar

Tesis ini dikemukakan  
Bagi memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Sastera  
(Komunikasi)

Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2024

## PERAKUAN

Saya mengaku bahawa kerja-kerja di dalam tesis ini telah diselaraskan dengan peraturan-peraturan Universiti Malaysia Sarawak, dan tesis ini adalah asli. Tesis ini tidak pernah diterima untuk sebarang ijazah dan tidak dikemukakan secara serentak bagi sebarang pencalonan ijazah lain.

.....

Tandatangan

**SYUFIZA**

Nama: Syufiza Binti Iskandar

No. Matrik: 21020050

Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Universiti Malaysia Sarawak

Tarikh: 05 Mac 2024

## PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan kerana dengan keberkatan-Nya tesis ini dapat disiapkan dengan jayanya. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr Jamilah Maliki dan Dr Dayang Aizza Maisha Abang Ahmad di atas tunjuk ajar dan bimbingan sehingga saya mampu menyiapkan tesis ini dengan jayanya. Saya bersyukur dihadirkan penyelia yang baik dan mengambil berat terhadap setiap perkembangan tugas saya sepanjang pengajian saya. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada ibu bapa saya iaitu Iskandar Razali dan Dayang Rasiah Awang Shahbudin di atas sokongan dan dorongan untuk saya dan menjaga mental saya untuk tidak berundur dalam mengharungi segala penat lelah saya sepanjang menyiapkan tesis ini. Tidak lupa juga kepada insan bernama Mohamad Nasruddin Bujang yang banyak membantu dari segi kewangan, memberi sokongan dan dorongan, serta tidak pernah lelah untuk membantu saya sepanjang pengajian saya. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak UNIMAS di atas peluang biasiswa sepanjang saya menyiapkan tesis ini. Saya juga bersyukur dan mengucapkan jutaan terima kasih di atas pertolongan serta sumbangan daripada pihak-pihak yang terlibat, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyempurnakan tesis ini. Saya banyak berhutang budi kepada pelbagai pihak, terutamanya semua informan yang terlibat, yang telah membantu saya dengan menyumbangkan pandangan dan cadangan dalam penulisan ini. Saya juga ingin berterima kasih kepada pihak fakulti dan CGS di atas segala tunjuk ajar dan bengkel-bengkel yang dianjurkan bagi membantu saya dalam memperbaiki kekurangan yang saya hadapi dalam menyiapkan tesis ini. Semoga tesis ini dapat membantu penyelidik akan datang dalam menyumbangkan idea bagi kajian yang ingin dilakukan di masa hadapan.

## ABSTRAK

Kesejahteraan komunikasi merupakan keselesaan dalam berbicara untuk menyampaikan sesuatu melalui seseorang atau medium yang lain dalam percakapan. Kehidupan bermasyarakat sememangnya memerlukan kesejahteraan komunikasi yang sesuai untuk di adaptasi dalam masyarakat tersebut supaya dapat hidup secara aman dan selamat. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk melihat kesejahteraan komunikasi di kawasan kediaman penduduk Flat Sungai Plan, Bintulu. Dengan menggunakan model kesejahteraan komunikasi (PERMA) sebagai kerangka penyelidikan, kajian dijalankan secara tinjauan terhadap 155 responden yang merupakan penduduk dalam kalangan B40. Hasil kajian mendapati jarak kediaman mempunyai hubungan yang signifikan dengan kekerapan berinteraksi dalam komuniti kejiranan (nilai-p <0.001). Bukan itu sahaja, faktor PERMA juga menunjukkan bahawa emosi positif dan makna menunjukkan hasil signifikan yang positif dalam membentuk kesejahteraan komunikasi. Keakraban di antara kejiranan mempengaruhi corak interaksi dalam komuniti kediaman penduduk. Kajian ini hanya tertumpu kepada komuniti Flat Sungai Plan, Bintulu yang tinggal di kawasan flat murah. Pensampelan kajian ini menggunakan pensampelan secara bertujuan. Ini menunjukkan bahawa kajian ini boleh digeneralisasikan kepada seluruh penduduk di Flat Sungai Plan Bintulu atau flat kos rendah di bahagian Sarawak. Oleh itu, pengkaji di masa hadapan dicadangkan untuk mengkaji komunikasi sosial mengikut taraf kehidupan (B40, M40 & T20) komuniti khususnya di Malaysia. Kesimpulannya, penduduk di kawasan padat seperti flat mampu mewujudkan suasana interaksi yang positif antara satu sama lain di dalam komuniti flat itu sendiri.

**Kata kunci:** Kesejahteraan komunikasi; perpaduan komuniti; interaksi; penduduk flat; hubungan kejiranan.

***Communication Well-Being as Predictor of Community Unity in Flat Sungai Plan,  
Bintulu***

***ABSTRACT***

*Communication well-being refers the comfort of conveying something through someone or another medium during a conversation. Community life requires effective and adaptable communication for peaceful and secure communal living. Utilizing model of communication well-being (PERMA) as a research framework, this study is to examine the communication well-being in the residential area of Flat Sungai Plan, Bintulu. The study involved 155 respondents, all residents from the B40 group. The results indicate a significant relationship between residential distance with the frequency of interactions in the neighbourhood community ( $P$ -value  $<0.001$ ). Additionally, the PERMA factors reveal that positive emotions and a sense of meaning significantly contribute to shaping communication well-being. Familiarity among neighbors influences interaction patterns within the residents' community. This study focuses only on the Flat Sungai Plan community in Bintulu, specifically those residing in low-cost flats. The sampling method employed is purposive sampling. This indicates that the study can be generalized to the entire population in Flat Sungai Plan Bintulu or low-cost flats in the Sarawak region. Therefore, future researchers are encouraged to explore social communication based on the standard of living (B40, M40 & T20) in various communities, especially in Malaysia. In conclusion, residents in densely populated areas such as flats demonstrate an ability to cultivate a positive atmosphere within the flat community itself.*

**Keywords:** *Communication well-being; community unity; interaction; flat dweller; neighborhood relations*

## ISI KANDUNGAN

	<b>Mukasurat</b>
<b>PERAKUAN</b>	<b>i</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>iv</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiv</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xv</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	6
1.3 Objektif Kajian	10
1.4 Persoalan Kajian	11
1.5 Skop Kajian	11
1.6 Kesimpulan	12
<b>BAB 2 SOROTAN LITERATUR</b>	<b>13</b>
2.1 Pendahuluan	13
2.2 Sorotan Literatur	13



2.3	Konsep Teoritikal	29
2.4	Takrifan Konsep	35
2.4.1	Kesejahteraan Komunikasi	35
2.4.2	Perpaduan Komuniti	36
2.4.3	Corak Pergaulan	37
2.5	Takrifan Kendalian	37
2.5.1	Emosi positif	38
2.5.2	Keterlibatan	39
2.5.3	Pertalian Hubungan	39
2.5.4	Makna	40
2.5.5	Pencapaian	41
2.6	Hipotesis Kajian	42
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>43</b>
3.1	Pendahuluan	43
3.2	Reka Bentuk Kajian	43
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	45
3.4	Instrumen Soal Selidik	48
3.5	Kebolehpercayaan dan Kesahan	51
3.5.1	Kajian Rintis	53
3.6	Analisis Data	54

3.7	Keputusan Analisis Data Responden	55
3.7.1	Analisis Kenormalan	56
3.7.2	Analisis Deskriptif	56
3.7.3	Analisis Inferensi	57
3.8	Kod Etika	57
3.8.1	Pemakluman Persetujuan	58
3.9	Kesimpulan	59
<b>BAB 4</b>	<b>HASIL DAPATAN KAJIAN</b>	<b>60</b>
4.1	Pengenalan	60
4.2	Demografi Responden	60
4.3	Analisis Deskriptif	65
4.3.1	Pergaulan di Sekitar Kejiranan	65
4.3.2	Objektif 1: Corak pergaulan dalam kejiranan yang membentuk kesejahteraan komunikasi	70
4.3.3	Objektif 2: Faktor-Faktor yang mewujudkan kesejahteraan komunikasi untuk berinteraksi sesama penghuni di Flat Sungai Plan	73
4.3.4	Objektif 3: Kawasan ruang terbuka yang menjadi tumpuan kesejahteraan komunikasi sesama penghuni di Flat Sungai Plan	78
4.4	Analisis Inferensi	80
4.4.1	Hipotesis 1: Terdapat perbezaan corak pergaulan individu dengan umur komuniti setempat	81

4.4.2	Hipotesis 2: Terdapat perbezaan corak pergaulan dengan mengikut jantina	83
4.4.3	Hipotesis 3: Terdapat perbezaan corak pergaulan individu mengikut kaum di Flat Sungai Plan	84
4.4.4	Hipotesis 4: Terdapat hubungan di antara pergaulan individu dengan adanya majlis keramaian komuniti setempat	88
4.4.5	Hipotesis 5: Terdapat hubungan di antara faktor kesejahteraan komunikasi dengan domain emosi positif	90
4.4.6	Hipotesis 6: Terdapat hubungan di antara faktor kesejahteraan komunikasi dengan domain keterlibatan	92
4.4.7	Hipotesis 7: Terdapat hubungan di antara faktor kesejahteraan komunikasi dengan pertalian hubungan	94
4.4.8	Hipotesis 8: Terdapat hubungan di antara faktor kesejahteraan komunikasi dengan makna	96
4.4.9	Hipotesis 9: Terdapat hubungan di antara faktor kesejahteraan komunikasi dengan pencapaian	98
4.4.10	Hipotesis 10: Terdapat hubungan di antara ruang terbuka dengan kawasan berinteraksi sesama kejrangan	100
4.4.11	Hipotesis 11: Terdapat hubungan di antara aktiviti kejrangan dengan berinteraksi di kawasan kejrangan	102
4.5	Kesimpulan	104

<b>BAB 5</b>	<b>PERBINCANGAN, RUMUSAN &amp; REKOMENDASI</b>	<b>105</b>
5.1	Pengenalan	105
5.2	Ringkasan Kajian	105
5.3	Perbincangan Kajian	106
5.4	Pergaulan di Sekitar Kejiranan	106
5.5	Objektif 1: Corak pergaulan dalam kejiranan	107
5.5.1	Perbezaan di antara pergaulan individu dengan umur komuniti setempat	107
5.5.2	Perbezaan di antara corak pergaulan dengan mengikut jantina	109
5.5.3	Hubungan di antara pergaulan individu dengan adanya majlis keramaian di kawasan tempat tinggal	109
5.6	Objektif 2: Faktor -faktor yang mewujudkan komunikasi kejiranan	110
5.6.1	Faktor yang mewujudkan komunikasi di antara kejiranan mempengaruhi dari segi kesejahteraan	111
5.7	Objektif 3: Kawasan ruang terbuka yang menjadi tumpuan kesejahteraan komunikasi sesama penghuni di Flat Sungai Plan	113
5.7.1	Hubungan di antara aktiviti di kawasan terbuka dengan keterlibatan komuniti setempat	114
5.7.2	Hubungan di antara aktiviti dilakukan dengan berinteraksi sesama kejiranan	115
5.8	Kesejahteraan Komunikasi sebagai Peramal Perpaduan Komuniti	116
5.9	Implikasi Kajian	118
5.10	Implikasi Teori	118

5.10.1	Penggunaan pemboleh ubah	118
5.11	Implikasi Metodologi	120
5.11.1	Kaedah Analisis Data	120
5.12	Cadangan Kajian Selanjutnya	121
5.12.1	Kerangka dan Pemboleh Ubah Kajian	121
5.12.2	Cadangan kajian	122
5.13	Limitasi Kajian	123
5.13.1	Kaedah Persampelan	123
5.13.2	Instrumen Kajian	123
5.14	Kesimpulan	124
	<b>RUJUKAN</b>	<b>125</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>141</b>

## SENARAI JADUAL

	<b>Mukasurat</b>
Jadual 3.1 : Reka Bentuk Kajian	45
Jadual 3.2 : Bilangan Sampel Penghuni Flat Sungai Plan, Bintulu	46
Jadual 3.3 : Jadual penentuan saiz sampel	46
Jadual 3.4 : Rumusan sampel dan kadar tindak balas informan	48
Jadual 3.5 : Ringkasan Bilangan Item dan Sumber bagi Instrumen Kajian	49
Jadual 3.6 : Skala Indeks Kebolehpercayaan	53
Jadual 3.7 : Ringkasan <i>Alpha Cronbach</i> kajian Rintis mengikut Konstruk	54
Jadual 4.1 : Demografi responden	60
Jadual 4.2 : Bertegur sapa di sekitar kejiranan Flat Sungai Plan	66
Jadual 4.3 : Hubungan pergaulan di antara kejiranan Flat Sungai Plan	67
Jadual 4.4 : Minit masa berkomunikasi dengan jiran di Flat Sungai Plan	68
Jadual 4.5 : Aktiviti yang dijalankan di kawasan kejiranan	69
Jadual 4.6 : Corak pergaulan dalam kejiranan	70
Jadual 4.7 : Emosi Positif	73
Jadual 4.8 : Keterlibatan	74
Jadual 4.9 : Pertalian Hubungan	75
Jadual 4.10: Makna	76
Jadual 4.11: Pencapaian	77
Jadual 4.12: Kawasan ruang terbuka yang menjadi tumpuan berinteraksi	78
Jadual 4.13: Perbezaan pergaulan individu berdasarkan peringkat umur	81
Jadual 4.14: Perbezaan pergaulan individu di antara peringkat umur	82
Jadual 4.15: corak pergaulan individu mengikut jantina	83
Jadual 4.16: Perbandingan corak pergaulan dengan jantina penduduk	84

Jadual 4.17: Perbezaan corak pergaulan mengikut kaum di Flat Sungai Plan	85
Jadual 4.18: Kepelbagaian perbandingan bagi kategori kaum	85
Jadual 4.19: Homogeneous Subsets Kaum	86
Jadual 4.20: Hubungan di antara pergaulan individu dengan adanya majlis keramaian di kawasan tempat tinggal	88
Jadual 4.21: Hubungan pergaulan individu dengan adanya majlis keramaian	89
Jadual 4.22: Domain Emosi Positif	90
Jadual 4.23: Emosi Positif	91
Jadual 4.24: Domain Keterlibatan	92
Jadual 4.25: Keterlibatan	93
Jadual 4.26: Domain Pertalian Hubungan	94
Jadual 4.27: Pertalian Hubungan	95
Jadual 4.28: Domain Makna	96
Jadual 4.29: Makna	97
Jadual 4.30: Domain Pencapaian	98
Jadual 4.31: Domain Pencapaian	100
Jadual 4.32: Aktiviti di kawasan terbuka	101
Jadual 4.33: Aktiviti kawasan terbuka dengan keterlibatan Komuniti Setempat	101
Jadual 4.34: Aktiviti dilakukan dengan berinteraksi di kawasan kejiranan.	103
Jadual 4.35: Aktiviti dilakukan di kawasan kejiranan	103

## SENARAI RAJAH

	<b>Mukasurat</b>
Rajah 2.1: Model Kesejahteraan Komunikasi	33
Rajah 3.1: Kaedah Penyelidikan	44
Rajah 3.2: Kebolehpercayaan dan kesahan	52
Rajah 3.3: Kaedah Kutipan Data dan Analisis Data	55
Rajah 5.1: Model Kesejahteraan Komunikasi	117
Rajah 5.2: Kesejahteraan Komunikasi Peramal Perpaduan Komuniti	119



## SENARAI SINGKATAN

ANOVA	Analysis of Variance
CGS	Centre for Graduate Studies
COVID	Coronavirus
NOS	Neighborhood Open Spaces
PERMA	Positive Emotions, Engagements, Relationships, Meanings, Accomplishment
PPR	Program Perumahan Rakyat
RPR	Rancangan Perumahan Rakyat
SPSS	Statistical Package for the Social Sciences
UNIMAS	Universiti Malaysia Sarawak
USA	United States of America

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Teknologi bukanlah satu perkara yang asing bagi masyarakat, termasuklah di negara ini. Berkembangnya teknologi canggih telah dicipta untuk memfokuskan pelbagai fungsi bagi tujuan kemudahan atau hiburan kepada masyarakat. Ini sekaligus menjadikan dunia maya sebagai salah satu medium yang popular digunakan oleh masyarakat untuk berinteraksi dengan sekeliling. Melihat kepada kawasan yang semakin berkembang maju dan padat, adalah lebih harmoni dengan komuniti yang lebih terbuka untuk berkomunikasi dengan baik secara menyeluruh (Syahman et al., 2021). Namun, walaupun kemudahan tempat tinggal dan kualiti kehidupan seseorang semakin baik, tidak mudah untuk mewujudkan komuniti yang sejahtera dalam berinteraksi sesama jiran.

Menjelang tahun 2025, dijangka jumlah penduduk di kawasan bandar akan semakin padat disebabkan oleh pembukaan kawasan kediaman yang pesat serta pembukaan sektor industri yang semakin berkembang maju dan luas, dan membuka peluang pekerjaan (Syahman et al., 2021). Menurut Rancangan Malaysia Ke-10, dari tahun 2011 hingga 2015, pelaburan besar telah dilakukan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dari segi penjagaan kesihatan, program perumahan, dan meningkatkan jangka hayat komuniti di Malaysia bagi kepuasan dan kesejahteraan rakyat. Jika kita merenung kembali pada Rancangan Malaysia Ke-11, bagi tahun 2016 hingga 2020, terdapat penekanan pada kesepaduan sosial dan perpaduan masyarakat Malaysia. Berdasarkan itu, penyediaan perumahan mampu milik

yang mencukupi dan strategik adalah penting untuk keamanan penduduk di sesuatu kawasan (Sengupta, 2019).

Rancangan Malaysia diperbaharui dan diselaraskan mengikut keperluan serta kesesuaian dengan keadaan semasa, seperti yang terlihat dalam Rancangan Malaysia ke-12 yang menetapkan tujuh keutamaan untuk memperkasa kehidupan rakyat. Dalam Rancangan Malaysia ke-12, perkara 7 menumpukan kepada mempercepatkan pembangunan di Sabah dan Sarawak serta negeri-negeri lain yang kurang membangun melalui pemantapan penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas, seperti perumahan mampu milik dan ruang terbuka yang sesuai untuk aktiviti berinteraksi dan kestabilan masyarakat (Syahman et al., 2021). Secara faktanya, perkara 7 dalam RMK-12 menekankan agenda memperkasa Bumiputera untuk mengurangkan jurang perbezaan dalam komunikasi antara Bumiputera dengan kaum lain (Ahmad Nasiruddin Ali, 2021). Jurang ini sering berlaku disebabkan oleh perbezaan corak pergaulan, bahasa dialek, dan juga perbezaan dalam pemikiran (Syahman et al., 2021). Dengan jelas, kesejahteraan komuniti menjadi fokus utama untuk mencapai harmoni komuniti, terutamanya dengan mengurangkan jurang antara kaum (Gür et al., 2020).

Tinggal di kawasan kejiranan flat memiliki banyak kebaikan seperti berdekatan dengan jiran dan berkongsi kawasan bersama. Walau bagaimanapun, ia juga boleh membawa cabaran, seperti gangguan bunyi bising, kekurangan privasi atau ruang peribadi, dan konflik dengan kejiranan. Oleh itu, penting untuk menjalin komunikasi yang baik dengan jiran sekeliling untuk memastikan harmoni dan kebahagiaan dalam komuniti. Komunikasi yang berkesan dalam kejiranan flat tidak hanya melibatkan komunikasi lisan tetapi juga komunikasi bukan lisan, seperti bahasa badan dan nada suara (Zamhari &

Perumal, 2016). Adalah penting untuk menghormati, mempunyai empati, dan berfikiran terbuka ketika berkomunikasi dengan jiran untuk membina hubungan yang kukuh dan saling percaya antara satu sama lain.

Kajian ini berfokus kepada kawasan flat kos rendah di sebuah kawasan di Sarawak, iaitu di daerah Bintulu. Tinggal di flat boleh menjadi mudah dan praktikal, tetapi juga boleh menyebabkan individu merasa terasing pada sesetengah masa. Untuk menggalakkan interaksi dan komunikasi dalam kalangan penduduk, adalah penting untuk mewujudkan ruang terbuka yang menggalakkan sosialisasi dan pembinaan komuniti (Ibrahim, 2017). Kawasan terbuka merujuk kepada ruang awam yang boleh diakses oleh mana-mana penduduk sekitar, seperti taman permainan, pusat sukan, jalan raya, dan ruang awam di kawasan bandar untuk penduduk sekitar berinteraksi dan meningkatkan kesejahteraan komunikasi bersama (Md Alwi, 2016). Selain itu, kawasan terbuka di kawasan flat biasanya termasuk koridor tingkat rumah, kawasan depan pintu rumah, atau kawasan dobi di flat dan sebagainya. Kawasan-kawasan ini memainkan peranan penting dalam mempromosikan kesejahteraan komunikasi dengan menyediakan peluang kepada penduduk untuk berinteraksi antara satu sama lain dan membina hubungan yang bermakna (Farida, 2013).

Kesejahteraan komunikasi merujuk kepada kemampuan untuk berbicara dengan nyaman dalam menyampaikan dan menerima sesuatu dari individu yang berada di sekeliling kita (Brisson et al., 2019). Kehidupan berkomuniti memerlukan kesejahteraan komunikasi yang sesuai untuk beradaptasi dalam komuniti. Hal ini demikian kerana, memiliki kemahiran komunikasi yang baik membolehkan kejiranan berkembang dan menjaga hubungan yang positif dan selesa (Dimmock et al., 2022). Selain itu, kesejahteraan komunikasi juga merangkumi aspek emosi dan sosial individu untuk mencapai kualiti hidup yang baik.

Kehidupan yang sejahtera juga berkait rapat dengan hubungan kejiranan yang dapat meningkatkan kesihatan emosi (Ross et al., 2019).

Salah satu cara untuk mewujudkan kawasan yang menggalakkan interaksi dan komunikasi adalah dengan menyediakan ruang duduk seperti bangku, meja berkelah, dan kerusi yang tersusun di sekitar kawasan umum seperti taman rekreasi, kawasan riadah, dan lain-lain. Selain itu, menyediakan kerusi di koridor rumah flat juga merupakan salah satu inisiatif kejiranan untuk menggalakkan hubungan yang lebih rapat antara jiran-jiran. Dengan menyediakan tempat duduk yang selesa dan menarik, penduduk didorong untuk menghabiskan lebih banyak masa di luar dan berinteraksi antara satu sama lain (Binoy, 2016). Pengunjung boleh berbual, mengadakan aktiviti permainan, atau menikmati hidangan bersama. Ini membantu memupuk semangat kemasyarakatan dan mengeratkan hubungan dalam kalangan penduduk (Zamhari & Perumal, 2016).

Dengan mengambil bahagian dalam aktiviti luar seperti bersenam, projek kebun komuniti, zumba, atau berjalan kaki di kawasan kejiranan, penduduk dapat berkumpul dan berinteraksi secara positif dan bermakna (Zieff et al., 2016). Melalui aktiviti ini, mereka dapat membina hubungan dan menjalin persahabatan dengan jiran tetangga. Perasaan kesukarelawan ini kemudian dapat menggalakkan peningkatan dalam penyertaan dalam inisiatif dan acara tempatan lain, seperti mesyuarat komuniti atau acara amal (Veitch et al., 2017). Selain itu, mengambil bahagian dalam aktiviti luar juga dapat membantu memupuk rasa bangga dan rasa memiliki dalam komuniti seseorang. Apabila penduduk secara aktif menyumbang kepada pengindahan dan penyelenggaraan kejiranan, mereka akan merasa lebih sejahtera dan lebih cenderung untuk terlibat dalam usaha untuk meningkatkan komuniti tempat tinggal mereka (Dicke et al., 2010).

Tambahan pula, aktiviti luar juga memberi peluang kepada penduduk dari pelbagai latar belakang dan peringkat umur untuk berinteraksi antara satu sama lain (Abdullah & Ahmad, 2022). Ini membantu mengatasi halangan sosial dan mendorong pembentukan komuniti yang lebih inklusif dan pelbagai. Walaupun ruang untuk taman besar atau kawasan luar mungkin terhad di kawasan kediaman flat, terdapat cara untuk mewujudkan kawasan lapang yang membolehkan penduduk berinteraksi dengan kejiranan mereka (Vásquez et al., 2019). Penduduk juga dapat menggalakkan aktiviti fizikal dan menyediakan tempat untuk berehat dan mengurangkan tekanan (Gidlow et al., 2012).

Jika dilihat, penglibatan penduduk dewasa dalam media sosial seperti Facebook, Twitter, dan sebagainya mungkin mengurangkan penglibatan mereka dalam aktiviti bersukan di luar atau di sekitar kawasan rumah penduduk (Sulaiman & Badari, 2022). Namun, aktiviti luar masih mempunyai impak positif terhadap penglibatan masyarakat tempatan dalam komuniti flat. Apabila penduduk menyertai aktiviti luar, mereka berpeluang untuk bertemu dengan jiran-jiran dan terlibat dengan orang lain dalam komuniti. Ini membantu membangun hubungan, memupuk semangat kemasyarakatan, dan meningkatkan semangat kebersamaan dalam kalangan penduduk (Ibrahim, 2017; Syariefudin et al., 2017).

Kesejahteraan komunikasi bergantung kepada usaha individu untuk mencapai potensi sebenar mereka. Konsep ini ditekankan dalam Model Teori Kesejahteraan yang dikembangkan oleh Martin Seligman (Effendy et al., 2016). Menurut model ini, individu tidak dapat mencapai tahap penuh potensi mereka kecuali jika keperluan asas untuk emosi positif (perasaan terkawal), kecekapan (merasa mampu), dan hubungan (perasaan berkaitan dengan orang lain) dipenuhi. Oleh itu, merasa selesa sendirian tidak mencukupi untuk

menjamin kesejahteraan sepenuhnya, sebaliknya usaha untuk berhubung dengan komuniti mungkin lebih baik melalui komunikasi yang berkesan.

Dalam kajian ini, pengkaji akan membincangkan faktor-faktor PERMA untuk menilai kesejahteraan komunikasi di kawasan kejiranan flat, termasuk mendengar aktif, menyelesaikan konflik, dan membangun semangat kemasyarakatan. Dengan pendekatan yang tepat, hubungan positif dengan jiran dapat dibina, dan komuniti yang sokongan dan penyayang dapat diwujudkan untuk membolehkan semua orang berkembang maju.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Pada tahun 2021, berlaku satu tragedi pergaduhan antara dua jiran berbangsa Cina yang menyebabkan kecederaan serius kepada kedua-dua pihak (Othman, 2021). Peristiwa ini berpunca daripada isu pembuangan sampah di kawasan kediaman, seperti kawasan perumahan Rancangan Perumahan Rakyat (RPR), yang menyebabkan pergaduhan serta kecederaan kepada kedua-dua individu. Pada awal kejadian, kedua-dua tertuduh dihadapkan ke mahkamah atas pertuduhan mendatangkan kecederaan kepada kepala dan tangan sewaktu bergaduh di hadapan rumah mangsa. Pertuduhan terhadap kedua-dua mangsa menyebabkan mereka mengaku bersalah atas tuduhan saling menghina dan juga saling memukul secara fizikal menggunakan barang yang tajam di sekitar rumah. Kejadian di Ipoh, Perak, adalah satu isu yang kritikal kerana tuduhan saling menuduh berkenaan isu pembuangan sampah di hadapan rumah boleh mencetuskan pertengkaran lisan yang sengit. Ketidakketerlibatan komunikasi yang baik serta penglibatan emosi dapat mengurangkan rasa kebersamaan dalam komuniti (Seligman, 2011).

Bukan itu sahaja, pada bulan Januari 2018, berlaku satu kejadian menyayat hati apabila seorang remaja berumur 15 tahun meninggal dunia akibat hentakan kerusi yang

dilemparkan dan tepat mengenai kepalanya oleh seorang jiran tingkat atas di flat PPR (Mokhtar, 2018). Sebelum kejadian ini, remaja 15 tahun tersebut baru sahaja pulang dari kedai runcit bersama ibunya dan berdiri di hadapan tangga blok rumah mereka untuk pulang ke rumah. Namun, dengan lebih menyedihkan, sebuah kerusi pejabat dilemparkan dari atas flat dan terkena kepala remaja tersebut di hadapan mata ibunya sendiri. Kejadian itu menyebabkan kecederaan serius, termasuk pecahnya tempurung kepala remaja tersebut, dan akhirnya menyebabkan kematiannya di hadapan mata ibunya sendiri. Ketika kes masih dalam siasatan, makcik mangsa menerangkan keadaan ibu mangsa yang trauma kerana kejadian yang menimpa anaknya. Ibu mangsa juga meratapi kepergian anaknya yang sebelumnya sihat dan ceria. Sikap tidak peduli dan memikirkan diri sendiri dari beberapa penghuni di flat PPR tersebut telah menyebabkan kehilangan nyawa seorang remaja. Kejadian ini adalah contoh ketiadaan komunikasi yang sihat dalam kalangan jiran-jiran di Malaysia, yang seterusnya memberi kesan kepada kesejahteraan mental dalam masyarakat (Hussain et al., 2011).

Berdasarkan kes yang berlaku pada tahun 2018 dan 2021, ini menunjukkan kepentingan komunikasi yang sihat dan mesra di antara kehiranan flat yang sering kali kurang mendapat perhatian dari pelbagai pihak dalam masyarakat. Komuniti yang tinggal di pelbagai jenis kediaman, terutamanya perumahan kos rendah, sebenarnya memainkan peranan penting dalam komuniti yang tidak hanya aktif, tetapi juga mempunyai hubungan komunikasi yang baik dengan masyarakat setempat (Saidu & Yeom, 2020).

Kawasan kehiranan merupakan kumpulan yang berhubungan, di mana penduduk tinggal dalam kawasan yang sama, melibatkan ruang, masa, dan hubungan. Komuniti sering kali dirujuk sebagai unit sosial yang lebih besar daripada isi rumah dan mempunyai ikatan